web.usm.my/mentor/download/mentormentee2.pdf

http://web.usm.my/mentor/download/m&m_arahtujupowerpoint.pdf

http://kecemerlanganfasilitator.blogspot.com/2010/08/ciri-ciri-fasilitator.html

PERANAN DIMENSI BERSEMUKA (*FACE TO FACE*) DALAM BIMBINGAN DAN PENASIHATAN: PRAKTIS PARA GURU DI SEKOLAH MENENGAH

Nazariah Ab. Samad, **Norazani Ahmad**, Fauziah Hanim Jalal, Mohd Noor Idris, Che Anuar Che Abdullah, Hapsah Md. Yusof, Nurul 'Ain Mohd Daud
Universiti Pendidikan Sultan Idris, **MALAYSIA**
Norazani@fppm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Para guru bukan sahaja memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting dalam mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Namun, pada masa yang sama para guru juga boleh memikirkan keperluan pelajar di sekolah dan luar sekolah dalam pelbagai aspek perkembangan seperti perancangan masa depan, kesejahteraan dan pembangunan diri, disiplin, kestabilan emosi, kesihatan, keselamatan, moral, agama dan aspek lain yang berkaitan. Guru juga sebagai *personnel* pelajar perlu mempunyai kemahiran untuk mendekati pelajar supaya mereka boleh membina kesedaran kendiri dan kecemerlangan diri. Setiap guru perlu ada pengetahuan dan kemahiran mengenal diri pelajar serta mampu dan berkebolehan untuk mengenalpasti pelajar yang bermasalah dan memberi bantuan segera kepada mereka. Justeru, selaras dengan keperluan ini, aktiviti bimbingan dan penasihatan dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui praktis bimbingan dan penasihatan di sekolah oleh para guru berdasarkan interaksi lima dimensi iaitu dimensi bersemuka, dimensi bahan bercetak, dimensi luaran dan dalaman, dimensi elektronik dan dimensi kemudahan dan prasarana. Oleh itu, melalui kertas kerja ini, perbincangan akan memfokuskan secara mendalam bagaimana dimensi bersemuka diamalkan oleh para guru di sekolah menengah di Malaysia dalam membantu perkembangan diri pelajar. Cadangan dan saranan untuk meningkatkan kemahiran bimbingan dan penasihatan secara bersemuka bagi para guru di sekolah turut dibincangkan.

Katakunci: Bimbingan, Penasihatan, Dimensi Bersemuka

LATARBELAKANG KEHIDUPAN DAN CARA BERFIKIR INDIVIDU KECELARUAN IDENTITI GENDER

Puteri Hayati Megat Ahmad[a], Nurul Hudani Md. Nawi[b] & Peter Voo Su Kiong[c]
[a,bc,] Fakulti Psikologi & Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, **MALAYSIA**
puteri@ums.edu.my

ABSTRAK

Isu kecelaruan identiti gender telah menjadi topik perbincangan di Malaysia kerana kini ramai lelaki atau gelaran biasanya maknyah telah berani secara nyata menonjolkan penampilan mereka di khalayak awam. Kajian ini cuba memahami kenapa golongan lelaki yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi swasta dan awam di Kota Kinabalu, Sabah ini menongkah norma, adat dan agama melalui penelitian